



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN AKHBAR BERTAJUK “DEATHS IN CUSTODY: 10
SUGGESTIONS FOR CJ TO IMPROVE REMAND PROCESS”
BERTARIKH 10 JUN 2021**

Pejabat ini merujuk kepada laporan media bertarikh 10 Jun 2021 bertajuk “*Deaths in custody: 10 suggestions for CJ to improve remand process*”.

Pejabat ini telah diarahkan oleh YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa undang-undang yang terpakai bagi permohonan perintah tahanan reman adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang khusus lain yang berkaitan.

Pada masa yang sama terdapat juga Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2012 yang menetapkan tatacara permohonan perintah tahanan reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

Badan Kehakiman telah pun mengambil inisiatif untuk meneliti dan mengkaji Arahan Amalan dan Pekeliling yang berkaitan bagi tujuan menambah baik tatacara dan amalan sedia ada mengenai permohonan perintah tahanan reman.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 12 Jun 2021